

Seludup 11,234kg dadah guna parcel

FOTO: BERNAMA

Kastam patahkan cubaan penyeludupan dadah menerusi Pusat Mel dan kurier KLIJA

Oleh IZWAN ROZLIN

PETALING JAYA

Sindiket dadah antarabangsa dikesan menghantar sedikit demi sedikit dadah yang ingin diseludup masuk ke negara ini menggunakan perkhidmatan kurier bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan dan Pematuhan), Datuk Johari Alfiah mendedahkan dari Januari hingga Julai tahun ini, pihaknya berjaya merampas 115 bungkusan parcel mengandungi 11,234 kilogram dadah bernilai RM280,265 yang cuba diseludup masuk melalui Lapangan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIJA).

Menurutnya, terbaharu, pihaknya berjaya mengesan ganja seberat 224.3 gram dianggarkan bernilai RM4,565 dalam bungkusan kurier yang diikrarkan sebagai pakaian, beg vakum, alat solek, permainan video dan penyambung rambut cenderunghati itu yang dihantar secara berperingkat bermula 1 hingga 15 Julai lalu.

“Sindiket berkenaan yang dipercayai berpangkalan di sebuah



Johari (depan, dua dari kiri) pada sidang akhbar kejayaan JKDM (Zon Tengah) mematahkan cubaan menyeludup dadah, rokok, minuman keras dan basikal elektrik di Kompleks Kastam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kelana Jaya semalam.

negara di Eropah itu dikesan cuba menghantar dadah berkenaan menggunakan pengirim berbeza dipercayai untuk kegunaan sendiri.

“Kes itu, disiasat mengikut Seksyen 39(1)(A) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 39(1) (B) akta sama,” katanya pada sidang akhbar di Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah di Kelana Jaya di sini semalam.

Dalam kes berasingan, Johari berkata, pihaknya merampas syabu, ketamin dan ekstasi dianggarkan bernilai RM244,995 menerusi serbuan di sebuah premis di Dataran Ocean, Lebuah Gopeng,

Klang.

“Kami menemui syabu seberat 3.5 kg dianggarkan bernilai RM195,195, ketamin seberat 0.555 kg bernilai RM27,750 serta 735 pil ekstasi berjumlah RM22,050.

“Dalam kes ini, tiga warga asing termasuk dua wanita berusia antara 30 hingga 40 tahun ditahan untuk siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

“Sindiket ini dipercayai berselindung di sebalik rumah bekerja yang didiami penghuni berlainan jantina bagi mengaburi mata pihak berkuasa untuk menjalankan aktiviti pengedaran dadah bagi pasaran tempatan,” katanya.